

29 NOV 2001

Gurkha

GURKHA UCAP TERIMA KASIH KEPADA PM ATAS PEMBERIAN GERAN

PUTRAJAYA, 29 Nov (Bernama) -- Masyarakat Gurkha di Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pemberian geran untuk kerja-kerja infrastruktur perkampungan Gurkha di Sungai Bakau, Rawang, Selangor.

Ucapan itu disampaikan kepada Perdana Menteri oleh serombongan enam orang dari Pertubuhan Ghurka Selangor dan Wilayah Persekutuan dalam pertemuan di pejabatnya di sini hari ini.

Presiden pertubuhan itu Ganes Bahadur Rana memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa pemberian geran oleh Dr Mahathir itu telah menyelesaikan sebahagian besar masalah kewangan bagi membangunkan infrastruktur perkampungan Gurkha, yang diperjuangkan selama lebih 20 tahun oleh pertubuhan itu.

Ganes berkata, perkampungan Gurkha itu akan dibangunkan di atas 83 lot tanah di Sungai Bakau, iaitu satu kawasan yang bersempadan dengan Country Homes di Rawang, dan ia boleh menempatkan kira-kira 400 orang Gurkha di negara ini.

Setiausaha pertubuhan itu Bal Bahadur Rana berkata, mereka merancang untuk menjadikan perkampungan itu sebagai sebuah pusat tarikan pelancong seperti perkampungan Portugis di Melaka.

Ia akan dibangunkan sebaik sahaja kerja-kerja infrastruktur selesai dan antara acara yang dirancangkan di perkampungan itu ialah kebudayaan dan festival Gurkha termasuk Festival Dashara pada Oktober dan Bhai Tika, yang disambut tiga hari selepas perayaan Deepavali setiap tahun, katanya.

Ganes berkata, terdapat hanya kira-kira 600 orang Gurkha di negara ini sekarang.

Generasi asal datang dari Nepal dan sebelum ini berkhidmat sebagai tentera dan polis di bawah pemerintahan kerajaan British semasa zaman darurat.

Selepas kemerdekaan pada tahun 1957 mereka menjadi warganegara Malaysia dan menetap di negara ini.

"Orang Gurkha telah bersama-sama berjuang untuk Malaysia di zaman darurat," katanya.

Ganes berkata, pertubuhan itu diwujudkan pada tahun 1975 antara lain untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang Gurkha di negara ini terutamanya dalam membantu mereka mendapatkan rumah kediaman.

Mereka, yang kebanyakannya beragama Hindu, masih mengamalkan budaya asal termasuk bahasa Nepalis dalam pertuturan sesama mereka.

-- BERNAMA  
AFY AHH FAZ